



# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2014

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian

**HARI RABU : 19 NOVEMBER 2014**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**(SOALAN NO.5, NO.9 HINGGA 51 )**

**(SOALAN NO. 6 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO.34)**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 8)**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG [ LAWAS ]**

**TARIKH : 19.11.2014**

**SOALAN :**

**Dato' Henry Sum Agong [ Lawas ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa buah Sekolah SK dan SMK di daerah Lawas yang lama dan uzur akan diberi nafas baru sama ada dibina semula atau dinaiktaraf.

**JAWAPAN**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sememangnya sentiasa prihatin terhadap sekolah-sekolah yang daif dan sentiasa berusaha untuk memastikan bangunan-bangunan sekolah sedia ada dipulihara dan kemudahannya ditambahbaik dari semasa ke semasa. Dalam hal ini, KPM melalui Program Transformasi Daerah di bawah Inisiatif Infrastruktur telah berusaha untuk mengenal pasti dan menangani masalah yang dinyatakan.

Sehubungan itu, KPM telahpun mengemukakan permohonan peruntukan untuk projek gantian penuh dua (2) buah sekolah rendah dan satu (1) buah sekolah menengah di parlimen Lawas dalam *Rolling Plan Ke-4* bagi pelaksanaan tahun 2015 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, projek-projek tersebut tidak diluluskan pelaksanaannya dalam *Rolling Plan Ke-4* bagi tahun 2015. Oleh yang demikian, KPM akan mencadangkan

semula projek tersebut dalam permohonan pembangunan pendidikan untuk Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020). Walau bagaimanapun, pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kedudukan kewangan negara.

NJM133

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Tuan Wilson Ugak Kumbong [Hulu Rajang]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN : Tuan Wilson Ugak Kumbong** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk membangunkan kawasan pertanian di Sungai Tunoh, Mujong dan Kapit untuk membantu meningkatkan hasil serta menaikkan tahap sosio-ekonomi penduduk tempatan.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

Jabatan Pertanian Sarawak melalui Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak telah menyediakan Pelan Pembangunan Pertanian Bahagian Kapit mulai daripada Tahun 2012 – 2020. Pelan ini menggariskan beberapa strategi dan cadangan Pembangunan Projek Pertanian Bahagian Kapit dengan memberi keutamaan dan fokus kepada Program Pembangunan Pertanian yang boleh menambah dan meningkatkan pendapatan khususnya golongan sasaran yang masih bersandarkan kepada aktiviti pertanian sebagai sumber pendapatan utama di kawasan pedalaman.

Di antara program pembangunan yang telah dirancang adalah seperti berikut:

i) Program Pembangunan Industri Tanaman

Pembangunan tanaman buah-buahan asal (*Indigenous Fruit*) seperti Isau, Dabai, Nyekak, Isu dan sebagainya. Usaha meningkatkan cara penyimpanan (*Preserve*) dan pemasaran melalui pelaksanaan program di bawah Ladang Kontrak;

ii) Program Pembangunan Industri Asas Tani

Meningkatkan usahawan industri asas tani untuk mengeluarkan projek kraftangan seperti pua kumbu, manik dan parang hiasan;

iii) Program Pembangunan Infrastruktur Pertanian

Pembangunan infrastruktur ladang seperti jalan ladang, jambatan, stor pertanian dan pusat pengumpulan hasil pertanian.

iv) Program Pembangunan Modal Insan

Program latihan dan bimbingan kepada petani.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [ SANDAKAN ]**

**TARIKH : 19.11.2014**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [ Sandakan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kebaikan sistem penilaian dalaman sekolah, memandangkan ia memakan banyak masa guru-guru sehingga mereka kekurangan masa untuk mengajar, dan pencapaian pelajar-pelajar Malaysia (mengikut World Bank dan PISA) semakin merosot selepas sistem tersebut dilaksanakan. Selain itu, adakah Kerajaan masih terus menjalankan sistem penaksiran PT3. Apakah kebaikan dan kelemahan PT3.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan satu bentuk pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif, afektif, psikomotor dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang memberi penekanan kepada aspek Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelektual (JERI). Selain itu PBS merupakan sistem pentaksiran yang akan digunapakai bagi menjamin pencapaian seseorang murid tidak hanya dinilai berasaskan peperiksaan semata-mata.

Pada tahun 2014 semua murid tingkatan 3 menduduki Pentaksiran Pusat iaitu Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) yang menggantikan PMR.

Melalui PT3 murid akan menerima pelaporan yang komprehensif iaitu pelaporan Pentaksiran Sekolah (PS), pelaporan Pentaksiran Psikometrik (Ppsi), pelaporan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dan pelaporan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3). Keempat-empat pelaporan ini akan digunakan sebagai asas untuk menentukan kemasukan murid ke tingkatan 4 sama ada di Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Sekolah Menengah Teknik, Kolej Vokasional dan penentuan aliran murid Tingkatan 4 di sekolah harian. PBS direka bentuk selaras dengan dasar pentaksiran pendidikan yang bertujuan memberi maklumat tentang prestasi individu bagi memperkembangkan sepenuhnya potensi diri sebagai modal insan.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, laporan kajian PISA 2012 memberi gambaran bahawa murid Malaysia kurang menguasai pemikiran aras tinggi (KBAT) dan lemah dalam menjawab item PISA yang menguji serta menaakul, membuat refleksi, menilai dan memberikan penjelasan. Ini merupakan hasil sistem pendidikan selama ini yang berorientasikan peperiksaan iaitu murid didapati menghafal maklumat bukan memahaminya. Usaha KPM menjalankan PBS adalah untuk mengatasi masalah ini.

Justeru itu, agak terlalu awal bagi KPM untuk memaklumkan pencapaian dan kelemahan PT3 kerana pentaksiran ini dilaksanakan untuk melihat penguasaan dan pencapaian murid dalam bidang akademik dan pelaporan dalam bentuk gred. Walau bagaimana pun ibu bapa serta murid boleh melihat kebolehan, perkembangan dan penglibatan serta dapat memberi gambaran yang lebih tepat potensi

dan prestasi murid. Pelaporan Pentaksiran Sekolah (PS), pelaporan Pentaksiran Psikometrik (Ppsi), pelaporan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) boleh diperoleh dari pihak sekolah mulai 17 hingga 21 November 2014. Manakala pelaporan PT3 boleh diperolehi mulai 22 Disember 2014.

RJM130

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO SOO SENG [TEBRAU]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Khoo Soo Seng [ Tebrau] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sama ada Kementerian merancang untuk melatih Orang Kurang Upaya, ibu tunggal, dan golongan miskin / miskin tegar membuat cenderamata dari cengkerang dan sebagainya untuk menambah pendapatan mereka.**

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kerajaan amat prihatin dengan cabaran yang dihadapi oleh Orang Kurang Upaya, ibu tunggal, dan golongan miskin / miskin tegar dalam menyara kehidupan keluarga mereka. KPWKM tiada masalah dan sentiasa menyokong bagi mengembangkan program-program khususnya kepada kumpulan sasar seperti membuat cenderamata dari cengkerang untuk membantu para penerima bantuan kebajikan keluar daripada kepompong kemiskinan.

Dalam hal ini, KPWKM menerusi agensi-agensi di bawahnya seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) mempunyai program untuk melatih golongan Orang Kurang Upaya, ibu tunggal dan golongan miskin / miskin tegar melalui Projek Purple DNA, Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT), dan Program *Economic Empowerment* (EEP).

**NO. SOALAN: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [ JELUTONG ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7227**

**SOALAN:**

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah komitmen Kerajaan dan Ketua Polis Negara untuk menyamakan semua kes kematian dalam tahanan polis sebagai kes pembunuhan dan wajib dihukum mengikut undang-undang Malaysia.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian memandang serius dan sentiasa komited dalam mengelakkan kejadian kematian dalam tahanan Polis atau agensi penguatkuasa yang lain. Kementerian memberi jaminan bahawa setiap kematian dalam tahanan akan disiasat mengikut undang-undang negara dan tidak akan sekali-kali berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai Polis atau pegawai penguatkuasa yang disyaki menggunakan kekerasan yang menyebabkan kecederaan atau menyebabkan kematian semasa dalam tahanan.

Sekiranya dalam siasatan dan hasil bedah siasat (*post mortem*) yang dijalankan mendapati kematian tahanan tersebut mempunyai unsur-unsur seksaan atau penderaan, kes tersebut akan disiasat sama seperti kes pembunuhan yang lain dan akan dihukum mengikut undang-undang yang berkuatkuasa ketika ini. Sehingga kini, pihak Polis telah menjalankan siasatan dan mendakwa empat (4) pegawai Polis yang menyebabkan kematian dalam tahanan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan (Kesalahan bunuh) dan seorang pegawai Polis dituduh di bawah Seksyen 330 Kanun Keseksaan (Sengaja menyebabkan kecederaan parah bagi memeras pengakuan bersalah).

Hal ini menunjukkan bahawa pihak Polis tidak pernah pilih kasih dalam menjalankan siasatan.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI**  
**HABIBOLLAH**  
**KAWASAN : LIMBANG**  
**TARIKH : 19 NOVEMBER 2014, RABU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH (LIMBANG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kerajaan akan membina jalan raya dari Sabah ke Sarawak akan dilaksanakan iaitu Sabah / Lawas / Limbang / Miri bypass yang akan melintasi dua daerah negara jiran di pedalaman Sarawak mengikut jajaran saluran paip dari Kimanis ke Bintulu.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya pada tahun 2005 telah menjalankan Kajian Kemungkinan mengenai cadangan projek membina Jalan Pan Borneo tanpa melalui Negara Brunei Darussalam, atau lebih dikenali sebagai Sabah – Sarawak Link.

Skop kajian ini merangkumi kajian trafik, sosioekonomi, guna tanah, alam sekitar, impak sosial, reka bentuk kejuruteraan awalan dan ekonomi pengangkutan. Kajian tersebut antara lain telah mencadangkan pembinaan jalan baru bermula daripada Long Lama dan melalui kawasan-kawasan Long Buang, Long Bedian, Long Seridan, Long Lopeng, Lawas di Sarawak - sebelum berakhir di Sindumin, Sabah. Panjang jarak keseluruhan Jalan Pan Borneo Sabah – Sarawak Link ini ialah 275km. dengan anggaran kos projek pada masa itu ialah sebanyak RM3 bilion.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan setakat ini tidak berhasrat untuk melaksanakan pembinaan projek jalan Sabah – Sarawak Link berkenaan. Ini kerana selain melibatkan kos yang amat tinggi, projek ini juga dikhuatiri akan menjejaskan keunikan alam sekitar di kawasan Taman Negara Gunung Mulu yang menjadi tarikan destinasi pelancongan terkenal di negeri Sarawak. Di samping itu, jangkaan jumlah kenderaan atau aliran trafik di laluan baru berkenaan adalah sangat rendah berbanding laluan sedia ada antara Miri – Limbang – Negara Brunei Darussalam.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. NIK MAZIAN BIN  
NIK MOHAMAD [ PASIR PUTEH ]**

**TARIKH : 19.11.2014**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kemajuan perancangan memindahkan Sekolah Kebangsaan Tok Bali, Pasir Puteh ke tapak baru. Bolehkah pembinaan dipercepatkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius akan keperluan akses pendidikan yang baik kepada semua rakyat Malaysia. Mengenai pembinaan Sekolah Kebangsaan Tok Bali, Pasir Puteh, KPM sedang meneliti permohonan pihak syarikat untuk mengambil tapak sedia ada sekolah tersebut. Dalam perkara ini, rundingan antara KPM dengan pihak syarikat tersebut sedang dalam proses. Setelah rundingan tersebut selesai, barulah permohonan perpindahan Sekolah Kebangsaan Tok Bali ke tapak baharu yang dikenal pasti dilaksanakan mengikut prosedur sedia ada KPM.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG  
[ KANOWIT ]**

**TARIKH : 19.11.2014**

**SOALAN :**

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dasar, strategi dan pelan Kerajaan bagi meningkatkan lebih ramai lepasan sekolah menengah dapat peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka terutama dalam bidang teknikal dan kemahiran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) meletakkan keutamaan dalam menyediakan segala kemudahan pendidikan termasuklah berkaitan kemahiran bagi memastikan negara berupaya mengeluarkan tenaga mahir dalam pelbagai bidang.

Untuk itu, di peringkat sekolah menengah lagi, bermula pada tahun 2012, KPM telah melaksanakan program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) yang menumpukan kepada pelajar lepasan UPSR (menengah rendah). Sehingga kini terdapat sejumlah 2015 orang murid (Tahun 1),

1868 orang murid (Tahun 2) dan 402 orang murid (tahun 3) yang mengikuti program PAV.

KPM juga melaksanakan program Kolej Vokasional (KV) yang menumpukan kepada murid lepasan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Program ini dilaksanakan selama empat (4) tahun dan akan menganugerahkan murid dengan Diploma Vokasional Malaysia (DVM). Sehingga kini, terdapat seramai 35,477 orang murid yang mengikuti program DVM. Program DVM, *Apprenticeship* dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) juga dilaksanakan secara berkolaborasi dengan Kementerian lain bagi menambah kapasiti dan swasta melalui program "*buying places*"

KPM juga tidak melupakan murid-murid berkeperluan khas. Seramai 519 murid berkeperluan khas mengikuti kursus di Sekolah Menengah Vokasional Pendidikan Khas. Seramai 601 murid berkeperluan khas ditemoatkan di kolej-kolej swasta di bawah program "*buying seats*" untuk mengikuti sijil kemahiran. Strategi ini diharap membantu KPM bagi membolehkan pengambilan murid sebanyak 30,000 orang dilaksanakan, sekaligus dapat membantu mencapai *Key Performance Index* (KPI) KPM sebanyak 7 peratus pada tahun 2015.

Di peringkat, pengajian tinggi pula, Kolej Komuniti dan Politeknik merupakan laluan alternatif kepada murid lepasan menengah untuk mengikuti latihan dan pengajian dalam bidang teknikal dan vokasional. Berdasarkan konsep pendekatan *Education For All* (EFA), Kolej Komuniti menyediakan akses yang luas kepada semua lapisan

masyarakat termasuk murid lepasan menengah, orang kelainan upaya dan pekerja industri.

Seiring dengan hasrat Kerajaan dalam RMKe-10 untuk mengarusperdanakan Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TEVT), antara strategi utama pihak Kementerian bagi memantapkan latihan di Kolej Komuniti dan Politeknik ialah melalui pelancaran Agenda Pemerkasaan Kolej Komuniti dan Program Hala Tuju Transformasi Politeknik. Agenda Pemerkasaan Kolej Komuniti merupakan suatu kesinambungan kepada proses untuk meningkatkan pencapaian institusi kolej komuniti sebagai pembekal utama TEVT dan Hab Pembelajaran Sepanjang Hayat. Manakala Program Hala Tuju Transformasi Politeknik pula bertujuan membina keupayaan baharu politeknik bagi melestarikan pembangunan modal insan negara melalui penyediaan sistem pendidikan dan latihan politeknik yang berkualiti, relevan dan responsif terhadap kehendak globalisasi dalam memenuhi tuntutan negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN  
RAZALI [ KUALA NERUS ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2014**

**SOALAN :**

**Ust. Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]  
minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI  
menyatakan langkah yang akan diambil oleh *International Tripartite  
Rubber Council* (ITRC) untuk memperkukuh harga getah di pasaran  
dunia.**

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) yang ditubuhkan pada tahun 2001 dianggotai oleh Thailand, Indonesia dan Malaysia. Pada masa ini ketiga-tiga negara anggota menyumbang hampir 65% pengeluaran getah asli dunia.

Di bawah ITRC, langkah-langkah yang boleh diambil bagi memperkukuhkan harga getah adalah:

- i. Pelaksanaan *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) di mana ketiga-tiga negara anggota menghadkan eksport sejumlah kuantiti getah asli bagi tempoh tertentu;
- ii. *Supply Management Scheme* (SMS) yang merupakan langkah jangka masa panjang oleh ketiga-tiga negara anggota untuk mengimbangi pengeluaran getah asli dengan permintaan dunia. Ini melibatkan memantau perkembangan kawasan baru dan penambahan pengeluaran getah bagi setiap negara anggota sehingga tahun 2020 bagi memastikan penawaran getah asli tidak melebihi unjuran permintaan getah dunia; dan
- iii. *Open Market Operations* yang melibatkan pengwujudan stok penimbal bagi memperkukuhkan harga.

Tuan Yang Di-Pertua,

ITRC pernah melaksanakan AETS sebanyak tiga kali iaitu, pada tahun 2002, 2009 dan 2012/2013. Pelaksanaan AETS pada tahun 2012/2013 telah memberi impak positif dari segi kenaikan harga getah di mana sebelum pelaksanaan skim ini harga SMR 20 FOB adalah RM 829.13 (September 2012) dan ia meningkat ke paras tertinggi dalam tempoh pelaksanaannya ke RM 926.38 (Februari 2013).

Di samping langkah-langkah tersebut, ITRC juga bermesyuarat mulai 17 November hingga 20 November 2014 di Kuala Lumpur. Matlamat mesyuarat ini adalah untuk menentukan langkah yang harus diambil oleh ketiga-tiga negara anggota untuk membendung penurunan harga getah. Tindakan susulan oleh ketiga-tiga anggota ITRC bergantung kepada keputusan-keputusan yang dicapai dalam mesyuarat tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan  
**DARIPADA** : Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman  
[ Tanjong Manis ]  
**TARIKH** : 19 November 2014  
**SOALAN** : Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman minta  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**  
**ASAS TANI** menyatakan apakah statistik  
terkini berkenaan kes salah guna subsidi  
diesel untuk nelayan dan apakah tindakan  
Kementerian untuk mencegah penindasan dan  
salah guna kad subsidi tersebut.  
**JAWAPAN** :

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah mengambil langkah seperti menangguh dan menyenarai hitam nelayan-nelayan yang didapati menyalahi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sehingga bulan Mei 2014, sejumlah 679 buah vesel nelayan telah ditangguhkan kad subsidi manakala 198 buah vesel lagi telah disenarai hitamkan di seluruh negara.

LKIM juga sebagai agensi pelaksana menubuhkan beberapa jawatankuasa kawalan untuk mencegah penindasan dan salah guna kad subsidi seperti Jawatankuasa Induk Pelaksana Petrol dan Diesel Nelayan Peringkat Kementerian, Jawatankuasa *Taskforce* Peringkat Ibu Pejabat LKIM dan Jawatankuasa *Taskforce* Peringkat LKIM Negeri.

Penyelarasan antara Jabatan dan Agensi termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), tindakan menangguhkan dan menyenarai hitam kad nelayan telah dibuat bagi memastikan nelayan tersebut tidak mendapat kemudahan bantuan subsidi diesel.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD  
YUSOFF  
KAWASAN : RANTAU PANJANG  
TARIKH : 19.11.2014 (RABU)  
NO. SOALAN : 18

YB. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapakah nilai import Malaysia terhadap produk keluaran dari Israel dan apakah senarai jenis barangan paling utama yang diimport dari negara Israel.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Luar Negara Malaysia adalah tidak mempunyai sebarang hubungan diplomatik dengan negara Israel. Secara dasarnya juga, Kerajaan Malaysia tidak menjalin hubungan ekonomi secara langsung dengan Israel. Walau bagaimanapun, hubungan dagangan Malaysia dan Israel berlaku disebabkan:

- (i) amalan rangkaian bekalan antarabangsa (*global supply chain*) oleh syarikat-syarikat antarabangsa atau multinasional (MNCs) di mana banyak negara termasuk Israel merupakan sebahagian dari rangkaian tersebut; dan
- (ii) eksport ke Israel melalui negara-negara ketiga seperti Singapura dan Hong Kong.

Tiada rekod yang tepat mengenai nilai dagangan antara Malaysia dengan Israel memandangkan kaedah dagangan Malaysia dengan Israel turut melibatkan import/eksport tidak langsung dari negara-negara ketiga. Kebanyakan barangan yang terlibat adalah komponen elektrik dan *chips* sebagai bahan mentah produk E&E.

**NO. SOALAN: 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [ SIK ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7229**

**SOALAN:**

**Dr. Mansor bin Abd Rahman [ Sik ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan statistik penduduk Malaysia yang memegang status taraf penduduk tetap (*Permanent Residence*) dan pecahan mengikut negara asal. Adakah Kementerian dalam negeri akan meningkatkan lagi syarat terhadap permohonan untuk mendapat taraf penduduk tetap daripada kriteria yang ada sekarang.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2009 hingga 2013 sejumlah 32,641 Permit Masuk telah dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Pada masa yang sama, sebelum seseorang warganegara asing boleh memperolehi status Pemastautin Tetap (*Permanent Resident - PR*), mereka perlu mendapatkan Permit Masuk (*Entry Permit*) terlebih dahulu selaras dengan peruntukan Seksyen 10, Akta Imigresen 1959/63. Hanya apabila seseorang warga asing yang telah dikeluarkan dengan Permit Masuk, baru mereka layak untuk memohon taraf Pemastautin Tetap bagi membolehkan mereka dikeluarkan Kad Pengenalan Merah atau MyPR oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Kementerian akan menimbang setiap permohonan berdasarkan merit setiap kes seperti mana yang telah diperuntukkan di dalam undang-undang dan dasar semasa kerajaan.**

**Kementerian kini dalam tindakan untuk mengkaji keperluan yang mana lebih elok untuk ditambah baik bagi meningkatkan tahap permohonan Pemastautin Tetap (*Permanent Resident - PR*) atau instrumen lain seperti Permit Masuk Semula (*Re-entry permit*). Sekiranya terdapat sebarang penambahbaikan terhadap syarat sedia ada, pemakluman akan dibuat di laman web Jabatan Imigresen Malaysia.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 19.11.2014**

**SOALAN :**

**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk mewajibkan pembelajaran bahasa ketiga seperti bahasa Tamil atau Mandarin pada pelajar yang bukan penutur asal bahasa itu, dalam sistem pendidikan kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

Pada masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) belum bercadang untuk mewajibkan mata pelajaran bahasa ketiga dalam sistem pendidikan. Melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), mata pelajaran elektif bahasa seperti Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK), Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK), Bahasa Arab, Bahasa Iban, Bahasa Kadazandusun dan Bahasa Semai ada ditawarkan kepada murid di sekolah kebangsaan sebagai mata pelajaran elektif. Mata pelajaran ini diajar dengan peruntukan masa 3 waktu seminggu (90 minit). Murid yang bukan penutur asal tetapi berminat diberi peluang untuk memilih dan mempelajari bahasa-bahasa tersebut di sekolah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK LIANG TECK MENG**  
**[ SIMPANG RENGAM ]**  
**TARIKH : 19 NOVEMBER 2014**  
**SOALAN :**

**YB Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sejauh manakah "pilot test" yang dijalankan oleh Kerajaan bagi menangani isu denggi yang berlarutan khususnya di kawasan "Dengue Hotspot" di Selangor dan jika telah berjaya, adakah ianya akan diperluaskan di seluruh Malaysia.**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ada menjalankan *pilot test* terhadap penggunaan agen *larvicide* samada *Bacillus thuringiensis israelensis (Bti)* atau *Temephos* menggunakan kaedah semburan ruang. Kajian ini dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) di beberapa lokaliti *hotspot* denggi di Selangor. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa penggunaan agen *larvicide* melalui kaedah semburan ruang dapat mengawal wabak denggi yang berpanjangan dengan lebih berkesan.

Berdasarkan hasil kajian ini, Kementerian Kesehatan telah pun memperluaskan penggunaan semburan ruang menggunakan *Bti* dan *Temephos* di lokaliti hotspot di seluruh negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL  
AZIZ [ PASIR MAS - PAS ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN (NO. 22)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah untuk memperbaiki profesionalisme pengadil dalam mengendalikan perlawanan bola sepak terutamanya di dalam liga profesional negara.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Persatuan Bolasepak Malaysia melalui Jabatan Pengadil telah menjalankan program Pembangunan pengadil bagi memartabatkan pengadil di Malaysia. Persatuan Bolasepak Malaysia sentiasa mengutamakan tahap integriti dan transpirasi yang tinggi dalam setiap tindakan yang diambil bagi melahirkan satu kumpulan pengadil yang bertaraf dunia dalam masa 4 tahun.
2. Persatuan Bolasepak Malaysia telah melancarkan tiga (3) fasa utama pelan pembangunan pengadil di Malaysia iaitu Fasa Pertama (2013-2014), Fasa Kedua (2015-2016) Fasa Ketiga (2017-2018). Bagi program jangka masa panjang, Persatuan Bolasepak Malaysia telah melancarkan Projek Gemilang 1 (2014-2018) pada bulan November 2013 yang melibatkan seramai 30 orang pengadil. Sebanyak 4 fasa kursus pengadilan akan di jalankan dalam masa setahun. Prestasi pengadil dari segi pemahaman undang-undang, prestasi perlawanan dan kecergasan para pengadil akan dinilai. Mana-mana pengadil yang menunjukkan prestasi yang rendah dalam masa dua (2) tahun akan digantikan dengan pengadil yang baru.
3. Pihak Persatuan Bolasepak Malaysia juga telah memperkenalkan teknologi komunikasi antara pengadil semasa perlawanan peringkat Liga Malaysia 2014. Teknologi yang dikenali sebagai "Refrees Communication System" dan "Electronic Assistant Referees Flag" dijangka akan dapat membantu pengadil dalam

## **SULIT**

membuat keputusan-keputusan semasa permainan. Peralatan seperti ini juga telah digunakan oleh pengadil-pengadil semasa di kejohanan-kejohanan peringkat antarabangsa dan kejohanan Piala Dunia.

4. Selain itu, Persatuan Bolasepak Malaysia turut menjalankan Kursus Penolong Pengadil Tambahan atau lebih dikenali sebagai Pengadil ketiga di belakang gol. Dengan adanya Penolong Pengadil Tambahan maka kumpulan pengadil akan dapat membuat keputusan yang tepat seperti mengawal permainan khususnya semua kesalahan yang berlaku berhampiran kawasan penalti.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B. Datuk Raime bin Unggi  
(TENOM)**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2014**

**SOALAN : 23**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan kemajuan yang dicapai dalam bentuk prasarana seperti jalan raya, bekalan air dan bekalan elektrik serta pembangunan ekonomi luar bandar di Negeri Sabah sejak negeri ini membentuk Penubuhan Malaysia pada 16 September 1963.

## **JAWAPAN :**

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi kemajuan penyediaan prasaranan asas di Negeri Sabah, sehingga tahun 2013, kadar liputan bekalan air adalah 80.1% dan kadar liputan bekalan elektrik adalah 92.9%. Berdasarkan data daripada tahun 2006, Kementerian juga telah membina serta menaik taraf 1,623.2km jalan luar bandar dan 1,720.1km jalan perhubungan desa.

Manakala bagi pembangunan ekonomi luar bandar, sejak daripada tahun 2006 sehingga 2013, seramai 3,434 usahawan telah menerima manfaat daripada program ekonomi Kementerian dan 18,409 usahawan telah menerima manfaat daripada program keusahawanan di bawah MARA. Sebanyak 2,415 premis perniagaan telah disediakan oleh MARA untuk usahawan negeri Sabah.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : TUAN WONG CHEN  
[ KELANA JAYA]

**TARIKH** : 19 NOV 2014

**SOALAN** : Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta  
**MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan:-

- a) Jumlah bilangan tapir dalam Negara ini; dan
- b) Usaha pihak Kementerian bagi memelihara Tapir daripada kepupusan memandangkan panda dari Negara China menerima layanan yang terbaik.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggaran populasi Tapir di Semenanjung Malaysia adalah antara 1,100 hingga 1,500 ekor. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) amat prihatin mengenai ancaman kepupusan spesies ini dan telah melaksanakan beberapa usaha konservasi seperti berikut:

- i. menempatkan spesies tapir di Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun, Selangor bagi tujuan pembiakan mulai tahun 2004. Sebanyak 11 ekor tapir ditempatkan di dalam kurungan untuk tujuan pembiakan pada masa sekarang. Sejak ditubuhkan sehingga kini sebanyak 9 ekor anak tapir telah dilahirkan di Pusat Konservasi tersebut.
- ii. menjalankan operasi menyelamat tapir yang terperangkap atau tercedera dan terkeluar daripada habitat asalnya. Tapir yang mengalami kecederaan akan dipindahkan ke Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun untuk diberikan rawatan lanjut. Bagi tapir yang disahkan sihat, ia akan dilepaskan semula ke habitat yang sesuai. Dalam tempoh 2004 hingga Ogos 2014, sebanyak 72 ekor tapir telah berjaya diselamatkan.
- iii. bagi mengurangkan isu Tapir mati dilanggar kenderaan dan menjadi mangsa (*roadkill*), Jabatan PERHILITAN telah memasang

papan-papan tanda peringatan di 126 lokasi *hotspot* lintasan tapir di seluruh Semenanjung Malaysia. Berdasarkan rekod, sebanyak 43 ekor tapir telah mati dilanggar dalam tempoh 2006 hingga September 2014.

- iv. Jabatan PERHILITAN turut menjalankan beberapa kajian penyelidikan seperti kajian ekologi, kelakuan dan genetik ke atas spesies Tapir dengan pelbagai pihak seperti Danish Cooperation, Wildlife Conservation Society (WCS), Copenhagen Zoo, World Wildlife Fund for Nature (WWF Malaysia) dan IUCN/Tapir Specialist Group.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Spesies Tapir telah dikelaskan sebagai spesies yang dilindungi sepenuhnya dalam Jadual Kedua Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] dalam usaha melindungi dan memulihara spesies ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN  
BIN MOHD HARUN NARRASHID  
(KOTA TINGGI)**

**TARIKH : 19.11.2014  
(RABU)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan jangka panjang untuk memastikan kebajikan balu dan waris anggota keselamatan kita yang terkorban di Lahad Datu tidak terabai dan mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak yang bertanggungjawab.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Jumlah anggota tentera yang terkorban di Lahad Datu semasa Operasi DAULAT (11 Feb 2013 sehingga 24 Mac 2013) adalah seramai 2 orang iaitu Allahyarham 1163461 Kpl Ahmad Hurairah bin Ismail dan 1168039 Kpl Ahmad Farhan bin Ruslan. Kedua-dua anggota telah meninggal dunia pada 12 Mac 2013 dan mereka masih bujang ketika meninggal dunia. Kementerian Pertahanan telah melaksanakan bayaran Faedah Kematian di bawah Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 dan bayaran-bayaran lain seperti Caruman Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) dan Insurans Kelompok (Koperasi Tentera) kepada tanggungan kedua-dua mereka.**

**Kementerian sentiasa memastikan kebajikan waris kedua-dua Allahyarham tersebut tidak terabai dan mendapat perhatian sewajarnya. Kedua-dua Allahyarham tersebut sedang menerima bayaran pencen bulanan sebanyak RM1,589.43 sebulan dan mereka juga akan menerima penyelarasan pencen sebanyak dua peratus setiap tahun. Pembayaran pencen ini akan berterusan seumur hidup tanggungan kedua-dua anggota tersebut.**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NG WEI AIK [ TANJONG ]**

**TARIKH : 19.11.2014**

**SOALAN :**

Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada rayuan Jemaah Pengelola Sekolah supaya nama SMK Jit Sin II dapat diluluskan sebagai SMJK (Cina) Jit Sin II atau SMK Cina Jit Sin II dapat dipertimbangkan. Sama ada pengajaran Bahasa Cina dapat ditambah kepada 6 waktu seminggu. Adakah mata pelajaran Bahasa Cina dapat diwajibkan untuk semua pelajar di sekolah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan tentang penubuhan sesebuah sekolah adalah berdasarkan Akta Pendidikan 1996. Seksyen 30 Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan bahawa pendidikan menengah yang boleh diadakan adalah sekolah menengah kebangsaan sahaja. Justeru itu, **cadangan untuk menamakan sekolah ini sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan (Cina) Jit Sin II tidak diperuntukkan oleh Akta Pendidikan 1996.**

Pengajaran Bahasa Cina yang telah diluluskan adalah sebanyak lima (5) waktu seminggu berdasarkan kepada ciri yang ditawarkan di SMJK Jit Sin sedia ada seperti yang telah dipersetujui sebelum ini. Walaupun

peruntukan masa berkurangan, murid masih berpeluang mengaplikasi bahasa tersebut sewaktu pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran lain yang diajar dalam bahasa Cina.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat , perundangan sedia ada hanya mewajibkan murid di peringkat menengah untuk mengambil mata pelajaran teras sahaja iaitu Bahasa Kebangsaan, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Sejarah, Pendidikan Islam (bagi murid yang menganut agama Islam) atau Pendidikan Moral (bagi murid bukan Islam). Mata pelajaran Bahasa Cina tidak termasuk sebagai salah satu mata pelajaran wajib kepada semua pelajar.

RJM128

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR  
[ SILAM ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [ Silam ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan :**

- (a) usaha Kerajaan untuk mencegah dan mengawal kemerosotan hubungan dan perpaduan di antara kaum dan di antara penganut-penganut berbilang agama; dan
- (b) apakah pandangan Kerajaan terhadap ajaran Crislam yang mula tersebar dan apakah pencegahan yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk menghapuskan fahaman ajaran Crislam.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan melalui pelbagai agensinya, khususnya Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) terus menerus berusaha untuk mencegah dan mengawal kemerosotan hubungan dan perpaduan di antara kaum dan di antara penganut-penganut berbilang agama melalui:
- (i) sentiasa memegang teguh Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asas semua rakyat secara seimbang. Asas kenegaraan ini dijadikan sebagai rujukan untuk penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar dalam pelbagai bidang ekonomi, sosial, pendidikan serta untuk penyelesaian sengketa melalui perundingan dan musyawarah secara jujur dengan hati yang terbuka;
  - (ii) menggalakkan interaksi, integrasi dan persefahaman antara kaum di tempat kerja, tempat belajar, tempat kediaman dan dalam pelbagai aktiviti sosial melalui program-program konkrit seperti Rukun Tetangga dalam kawasan-kawasan perumahan, Rancangan Integrasi Murid-Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) antara sekolah-sekolah rendah pelbagai aliran, Program Latihan Khidmat Negara untuk remaja, serta pelbagai program interaksi untuk belia dan golongan wanita, program sukan yang menarik penyertaan dan sokongan semua pihak dan sebagainya;

- (iii) mewujudkan saluran dan mekanisme formal atau tidak formal di beberapa peringkat untuk menggalakkan wakil dari badan-badan kebudayaan dan agama untuk berhubung, bertukar fikiran dan mencapai persefahaman yang lebih mendalam dan kukuh supaya dapat menangani bersama secara berkesan isu-isu yang mungkin timbul. Di samping itu juga, ditingkatkan keupayaan berkomunikasi dan berunding serta kemahiran mediasi di kalangan pemimpin masyarakat supaya mereka sanggup mententeramkan keadaan dan menyelesaikan sengketa, sekiranya timbul; dan
  - (iv) berusaha meyakinkan semua pemimpin politik dan masyarakat supaya mengelakkan kecenderungan untuk mempolitik dan mempolarisasikan isu-isu berkaitan dengan agama dan etnik, mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menjejaskan kesensitifan dan keamanan, jikalau didapati perlu. Di sebaliknya, mereka hendaklah sentiasa mengambil sikap yang positif dan membina, dengan penuh rendah hati serta mengamalkan prinsip kesederhanaan dan pendekatan yang inklusif dalam sebarang usaha mengendali dan menguruskan isu-isu berkaitan hubungan antara agama dan etnik.
- (b) Kerajaan sentiasa peka dengan ajaran yang bertentangan dengan syariah Islam sehingga membawa kekeliruan dalam kalangan masyarakat akan ajaran Islam yang sebenar. Menyedari cabaran semasa yang dihadapi pada masa ini, kerajaan dengan kerjasama pelbagai pihak melibatkan pihak berkuasa agama negeri, agensi-agensi yang berkenaan dan pihak

keselamatan mengawal penularan fahaman-fahaman menyeleweng yang boleh menggugat akidah dan keselamatan negara ini.

Bagi mencegah penyebaran fahaman tersebut, antara langkah pencegahan yang dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

- (i) memantau dan mengkaji lebih mendalam ajaran tersebut dan mengenal pasti penggerak ajaran;
- (ii) memantau dan mengawal penyebaran berhubung ajaran yang menyeleweng melalui pelbagai pendekatan; dan
- (iii) mengukuhkan pegangan akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah dalam kalangan masyarakat melalui program pendidikan dan penjelasan pelbagai medium.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN GOBIND SINGH DEO**  
**KAWASAN : PUCHONG**  
**TARIKH : 19 NOVEMBER 2014, RABU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN GOBIND SINGH DEO (PUCHONG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status projek Lebuh Raya KIDEX dan DASH dan sama ada ianya akan diteruskan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perjanjian Konsesi Lebuh Raya Kinrara – Damansara atau KIDEX telah ditandatangani pada 15 November 2013. Projek ini akan dilaksanakan secara penswastaan oleh syarikat konsesi KIDEX Sdn. Bhd. Manakala Perjanjian Konsesi Lebuh Raya Damansara – Shah Alam (DASH) pula telah ditandatangani pada 25 September 2013 antara Kerajaan dengan dengan syarikat konsesi DASH Sdn. Bhd..

Pada masa kini kedua-dua syarikat konsesi tersebut masih sedang dalam tempoh memenuhi beberapa syarat duluan ('condition precedent') yang telah ditetapkan. Antara syarat duluan tersebut ialah melibatkan pengesahan bukti kewangan pembiayaan projek dan mengadakan bancian/tinjauan umum ('public opinion survey') mengenai cadangan pembinaan lebuh raya berkenaan. Proses pengambilan tanah pula akan hanya dimulakan setelah perjanjian konsesi berkuat kuasa.

Sehubungan itu, pelaksanaan projek lebuhraya KIDEX dan DASH ini tertakluk kepada syarikat-syarikat konsesi berkenaan telah memenuhi syarat-syarat duluan yang ditetapkan itu.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN  
(MASJID TANAH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.11.2014**

**Y.B. PUAN MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN [ MASJID TANAH ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah syarat untuk melantik pelekuidisasi akan diketatkan bagi mengatasi rungutan kualiti perkhidmatan yang diberikan.

**JAWAPAN**

Pemberian Kelulusan sebagai pelekuidisasi atau Penyelesai Syarikat adalah tertakluk kepada Seksyen 8 Akta Syarikat 1965. Menteri Kewangan melalui kuasa yang diberikan telah mewakili urusan pelantikan Penyelesai Syarikat kepada Akauntan Negara Malaysia.

Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk memperketatkan syarat pelantikan pelekuidisasi memandangkan syarat permohonan kelulusan penyelesaian syarikat pada ketika ini telah melalui proses yang ketat.

Bagi tujuan permohonan kelulusan Penyelesai Syarikat, pemohon mestilah dari kalangan juruaudit yang diberi Kelulusan sebagai Juruaudit Syarikat untuk tempoh sekurang-kurangnya setahun dengan pengalaman dalam bidang penyelesaian selama sekurang-kurangnya dua tahun sebelum permohonan dibuat.

Selain itu, pemohon juga mesti melalui tapisan temuduga yang dijalankan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia bagi memastikan penyelesaian yang diberi kelulusan benar-benar kompeten untuk bertindak sebagai penyelesaian syarikat. Panel temuduga diwakili oleh agensi-agensi penguatkuasa / badan kawalselia yang terdiri daripada Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Institut Akauntan Negara (MIA) dan dipengerusikan oleh Akauntan Negara Malaysia.

Penyelesai syarikat juga akan turut dipantau oleh agensi-agensi penguatkuasa/badan kawalselia ini dan pembaharuan kelulusan penyelesaian syarikat hanya akan diluluskan setelah mendapat persetujuan daripada empat (4) agensi penguatkuasa / badan kawalselia iaitu Mdl, SSM, SC dan MIA. Selain itu, pemantauan turut dilakukan oleh Jawatankuasa Pengawas Juruaudit dan Penyelesai Syarikat bagi menentukan bentuk hukuman yang dikenakan sekiranya terdapat pelanggaran kepada Seksyen 10 Akta Syarikat 1965 yang dilakukan oleh penyelesaian syarikat.

Agensi-agensi penguatkuasa / badan kawalselia yang terlibat juga sentiasa bersedia untuk menerima sebarang aduan berkaitan salah laku dan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh seseorang penyelesaian syarikat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN V. SIVAKUMAR  
[ BATU GAJAH ]**

**TARIKH JAWAPAN : 19 NOVEMBER 2014 (RABU)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan jumlah keuntungan yang bersih yang boleh diperolehi oleh Tenaga Nasional Berhad bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Ogos 2014. Adakah kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula dan mengurangkan tarif yang dikenakan pada masa ini untuk meringankan beban rakyat.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Berdasarkan kepada Laporan Tahun Kewangan 2013/2014 yang berakhir pada 31 Ogos 2014, TNB (Kumpulan) telah mencatatkan untung bersih selepas cukai sebanyak RM6.4 bilion. Diantara faktor yang menyumbang ke aras peningkatan keuntungan ini adalah penurunan cukai korporat sebanyak 1% oleh Kerajaan Malaysia serta pertumbuhan dalam permintaan elektrik pada kadar 2.5%.
2. Disamping itu, bagi tempoh berkenaan, pihak TNB telah membuat perbelanjaan Modal (*Capital Expenditures (CAPEX)*) yang tertinggi dalam sejarah TNB iaitu sebanyak RM10.0 bilion yang digunakan untuk penyediaan infrastruktur, penyelenggaraan dan penambahbaikan sistem bagi mengekalkan kestabilan bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM4.9 billion dibelanjakan untuk penyelenggaraan dan penambahbaikan sistem bagi memastikan ianya cekap dan berdayaharap.

3. Seperti yang Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada 5 November 2014 yang lalu, YB Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telahpun mengumumkan bahawa atas keprihatinan terhadap kebajikan rakyat, Kerajaan telah memutuskan untuk mengekalkan kadar tarif elektrik sehingga akhir Jun 2015. Akibat keputusan ini, Kerajaan akan menampung tambahan kos sebanyak RM1.683 billion untuk kos bahan api dan penjanaan atau *Imbalanced Cost Pass-Through (ICPT)*, dengan izin, dengan menggunakan hasil penjimatan daripada rundingan semula Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA), Penjana Tenaga Bebas (IPP) Generasi Pertama untuk membiayai tambahan kos ini. Ini termasuklah mengekalkan harga gas domestik (berpaip) yang dibekalkan oleh PETRONAS kepada Sektor Elektrik pada kadar semasa iaitu RM15.20/MMBtu.

4. Secara terperinci, jumlah kos *ICPT* yang terlibat bagi tempoh bulan Januari 2014 hingga Jun 2014 adalah sebanyak RM465.93 juta, manakala bagi tempoh Julai 2014 hingga Disember 2014 adalah sebanyak RM382.03 juta. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM847.96 juta, yang bersamaan dengan kenaikan kadar tarif elektrik sebanyak 1.62 sen/kWj, yang akan ditampung menggunakan penjimatan hasil rundingan semula PPA, IPP Generasi Pertama. Di samping itu, susulan daripada keputusan Kerajaan untuk menangguhkan kenaikan

harga gas berpaip, PETRONAS akan menanggung *foregone revenue* bagi tempoh Julai 2014 hingga Jun 2015 sebanyak RM836 juta. Jelasnya, kos sebanyak RM1.683 billion yang ditampung oleh Kerajaan telah mengekalkan tarif elektrik pada kadar semasa supaya tidak berlaku sebarang kenaikan tarif sehingga akhir Jun 2015.

5. Keputusan yang dibuat oleh Kerajaan ini adalah untuk mengurangkan impak rasionalisasi subsidi dan ketidaktentuan harga bahanapi di peringkat global. Namun demikian, tindakan yang diambil ini hanyalah untuk jangkamasa pendek. Baki penjimatan hasil rundingan semula PPA, IPP Generasi Pertama, akan berkurangan setelah digunakan untuk kali ini dan tidak akan mencukupi bagi menampung kos-kos *ICPT* akan datang. Oleh itu, Kerajaan menggesa rakyat untuk memainkan peranan, masing-masing, dengan menggunakan tenaga elektrik secara berhemah dan mengurangkan pembaziran.

\*\*\*\*\*

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR  
[ TANJONG KARANG ]**

**TARIKH : 19.11.2014**

**SOALAN :**

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [ Tanjong Karang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah kes yang melibatkan saman-menyaman antara ibu bapa dan guru dan mengapakah perkara ini semakin berleluasa berlaku.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kes yang melibatkan saman-menyaman antara ibu bapa dan guru adalah berpunca daripada perasaan tidak puas hati pihak ibu bapa kepada pihak sekolah dan kurangnya maklumat berkaitan situasi sekolah yang disalurkan kepada ibu bapa.

Inisiatif Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan salah satu program yang dirancang untuk melibatkan PIBG dan ibu bapa agar dapat membantu pihak sekolah dalam meningkatkan kecemerlangan sekolah. Oleh itu, semua peringkat pengurusan (JPN, PPD dan sekolah) hendaklah secara bijaksana membuat *engagement* dengan ibu bapa

menerusi PIBG serta badan atau agensi luar bagi menangani isu di peringkat masing-masing. Kaedah permuafakatan hendaklah digunakan dalam penyelesaian sesuatu isu disiplin murid. Kementerian juga akan terus memberi penekanan terhadap konsep sekolah milik masyarakat mulai tahun 2015. Konsep ini bertujuan mendekatkan lagi hubungan dua hala antara pihak sekolah dan juga masyarakat khususnya komuniti setempat.

RJM125

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR**  
**[ POKOK SENA ]**  
**TARIKH : 19.11.2014 (RABU)**

**DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [ POKOK SENA ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bagaimana kepentingan pendeposit atau ahli Bank Rakyat dapat dilindungi apabila Menteri menggunakan kuasa di bawah Seksyen 16 Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (peruntukan khas) 1978 untuk mengarahkan Bank Rakyat supaya membenarkan Syarikat Carpet Tile Sdn. Bhd. Menjelaskan hutang tertunggak sebanyak 32 juta melalui bayaran bulanan selama 10 tahun tanpa dikenakan sebarang denda lewat (ta'widh).

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Seperti yang diketahui umum, isu ini melibatkan satu pinjaman lama yang tidak berbayar atau dikenali juga sebagai '*A Non Performing Loan*' berjumlah lebih dari RM30 juta. Dalam hal ini, pihak Bank Rakyat mempunyai dua pilihan iaitu:

- i) Membawa peminjam ke mahkamah, menyaman dan mengambil semua cagaran, mencairkan aset melalui lelongan dan sebagainya. Sekiranya terdapat baki kekurangan, maka bank terpaksa mengisytiharkannya sebagai kos hangus atau kerugian; dan
- ii) Menawarkan penstrukturan pembayaran untuk mendapatkan baki pinjaman sebanyak mungkin.

Sebelum pihak Bank membuat tindakan, terdapat beberapa perkara yang perlu diteliti dan diambil perhatian. Sebagai contoh, adakah jumlah cagaran selepas lelongan dan pembubaran semua aset-aset syarikat mampu memberikan pulangan terbaik kepada Bank? Berapakah pula jumlah kos tambahan kepada Bank dari segi kos guaman serta dokumentasi, lelongan dan berapa lamakah masa yang diambil untuk menyelesaikannya?

Sememangnya pihak Bank mahu mengenakan caj bayaran maksima, akan tetapi kebolehpayaan syarikat dalam jangka masa panjang untuk melunaskan hutang juga perlu diambil kira. Keputusan mengenai perkara ini bukanlah jalan mudah atau ingin menyelamatkan sesiapa. Malah seperti yang telah diketahui, sekiranya terdapat

tunggakan pembayaran semula serta-merta, tindakan mahkamah akan diambil.

Bank Rakyat berpendapat bahawa tindakan penstrukturan merupakan tindakan yang terbaik untuk mengurangkan kerugian bagi pihak Bank. Dalam hal ini, Kementerian berdiri teguh menyokong pendirian Bank Rakyat dan yakin bahawa semua tindakan yang dibuat oleh pihak pengurusan bank adalah berpandukan kepada penyelesaian yang terbaik buat pemegang saham berdasarkan lunas undang-undang dan mengikut norma industri perbankan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN  
NAINA MERICAN  
[ KEPALA BATAS ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Dato' Seri Reezal Merican Bin Naina Merican [ Kepala Batas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah "risk service contract" (RSC) untuk pembangunan "marginal fields" yang telah dianugerahkan oleh PETRONAS setakat ini dan berapa lagi yang sedang dalam kajian.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 31 Julai 2014, PETRONAS telah menganugerahkan 6 RSC untuk pembangunan "*marginal fields*".

Beberapa lapangan minyak sedang diteliti untuk penganugerahan RSC seterusnya namun jumlah sebenar belum dapat dipastikan kerana beberapa kajian perlu dilaksanakan ke atas lapangan – lapangan ini sebelum pemilihan yang tepat dilakukan.

Sekian. Terima kasih.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**  
**KAWASAN : SELAYANG**  
**TARIKH : 19 NOVEMBER 2014, RABU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan butiran terperinci dan lengkap berhubung Penilaian Kesan Trafik (TIA) bagi keenam-enam lebuhraya yang bakal dibina di negeri Selangor termasuk Lebuhraya Bertingkat Kinrara-Damansara (KIDEX), Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKEL), Lebuhraya Serdang-Kinrara-Putrajaya (SKIP), Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE), Lebuhraya Damansara-Shah Alam (DASH) dan Lebuhraya Pantai Barat (LPB).

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Penilaian Kesan Trafik (TIA) ialah laporan awam yang perlu disediakan pihak pembida sesuatu konsesi lebuh raya baru.

Laporan TIA ini dilaksanakan oleh juru perunding trafik yang dilantik oleh pihak pembida konsesi dan ia perlu dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat untuk tujuan kelulusan Kebenaran Merancang (DO). Perkara ini selaras dengan peruntukan dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 di mana sesuatu pembangunan tidak boleh dimulakan sebelum menerima kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

Sehubungan itu, status dan maklumat laporan TIA untuk cadangan lebuh raya-lebuh raya yang baru di Negeri Selangor boleh dirujuk dengan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat dengan cadangan jajaran sesebuah lebuh raya baru itu.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB. DATUK ROZMAN BIN ISLI  
KAWASAN : LABUAN  
TARIKH : 19.11.2014 (RABU)  
NO. SOALAN : 36

YB. DATUK ROZMAN BIN ISLI minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan adakah kerajaan kita bersedia untuk lebih berani dan terbuka untuk menjadikan hubungan rasmi dengan Taiwan seperti ekonomi bagi memastikan perdagangan dua hala tidak terjejas memandangkan Taiwan sudah menandatangani (FTA) dengan Singapura baru-baru ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Sebarang cadangan untuk mewujudkan rangka kerja rasmi dengan Taiwan mestilah selaras dengan Dasar Luar Negeri iaitu Dasar Satu China yang diamalkan oleh Malaysia semenjak tahun 1974 di samping mendatangkan manfaat kepada Malaysia. Penekanan dalam aspek ini adalah amat perlu supaya tiada pihak asing dapat mengambil kesempatan untuk menggugat hubungan baik yang terjalin di antara Malaysia dengan Republik Rakyat China (RRC).

Malaysia memberi perhatian yang serius terhadap hubungan dengan Taiwan yang jelas kelihatan dengan pelantikan Duta Khas ke Asia Timur oleh YAB Perdana Menteri yang dipertanggungjawabkan untuk meningkatkan hubungan dua hala dari segi ekonomi dan perdagangan di Jepun, Korea Selatan dan Taiwan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Dato' Kamarul Baharin bin Abbas  
[ Telok Kemang ]**

**TARIKH : 19 November 2014 (Rabu)**

**SOALAN :**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peratusan kejayaan program-program Kerajaan melalui Model Ekonomi Baru, ETP dan GTP dalam memastikan defisit fiskal dapat dikurangkan daripada 5.3 peratus KDNK dalam tahun 2010 kepada kurang daripada 3 peratus pada tahun 2015 seperti mana yang dinyatakan oleh Perdana Menteri dalam usul RMKe-10 di Parlimen pada 10 Jun 2010.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI IDRIS JALA**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Program Transformasi Negara (NTP) menzahirkan dengan jelas cadangan daripada Model Ekonomi Baru yang dibentuk oleh Majlis Penasihat Ekonomi Negara pada tahun 2010. Dalam membangunkan NTP, Kerajaan kekal fokus terhadap peruntukan sumber, dan merumuskan sasaran serta menjumlahkan hasil bagi pertumbuhan ekonomi bersasaskan aspek sosial seperti kualiti kehidupan, kos sara hidup, keselamatan rakyat dan penerapan nilai-nilai yang penting untuk mencapai matlamat.

Program Transformasi Kerajaan (GTP) menyasarkan untuk mentransformasikan Kerajaan Malaysia sejajar dengan keperluan sebuah negara berpendapatan tinggi, dalam bentuk sebuah program pembaharuan yang mendahulukan rakyat dengan memenuhi keperluan mereka. Keperluan ini terkandung dalam tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang terletak di bawah mandat GTP. Sebagai subset NTP seterusnya, Program Transformasi Ekonomi (ETP) menginstitusikan perubahan sosio-ekonomi dengan memfokuskan pembangunan 12 buah industri di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan melonjakkan daya saing global Malaysia menerusi pelaksanaan 6 Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI).

Pada tahun 2013, kesemua tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) telah melaporkan kadar pencapaian purata sebanyak 104 peratus bagi penunjuk prestasi utamanya yang merupakan tanda positif bahawa Malaysia berada di landasan yang tepat. Manakala keberhasilan KPI keseluruhan bagi NKEA menepati sasaran dengan purata pencapaian 102 peratus sementara SRI mencatat pencapaian KPI 95 peratus. Peratusan kejayaan bagi setiap inisiatif-inisiatif di bawah pelaksanaan GTP dan ETP telah direkodkan didalam laporan tahunan.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara lain **penunjuk kejayaan ETP yang memberi kesan secara langsung ke atas perkembangan ekonomi negara** dimana NKEA dan SRI kekal fokus dengan pengwujudan projek-projek sebanyak 196 projek dengan pelaburan yang dijanjikan bernilai RM219.3 bilion dan mewujudkan 437,816 peluang pekerjaan baharu. Pertumbuhan berterusan dalam PNK dengan kadar 42.5 peratus sejak tahun 2009 meningkat daripada US\$7,059 kepada US\$10,060 pada tahun 2013.

KDNK juga berkembang pada kadar kukuh iaitu 4.7 peratus pada tahun 2013 disamping perolehan kerajaan kian meningkat sebanyak 38.1 peratus sejak tahun 2010 kepada RM220.4 bilion. Kita juga maklum defisit fiskal kian berkurangan, justeru penggunaan awam yang utuh, aktiviti pasaran modal yang berdaya maju, pertumbuhan pelaburan yang kukuh dan mencecah RM161.12 bilion pada tahun 2013 melebihi sasaran awal yang ditetapkan pada RM148.4 bilion setinggi 8.6 peratus. Ini diikuti dengan pengiktirafan Malaysia di peringkat global dalam Indeks "Mudah menjalankan perniagaan" Bank Dunia di tangga ke-6 pada tahun 2014 dan keberhasilan KPI yang memberangsangkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Selari dengan matlamat transformasi Malaysia untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi yang turut bergantung pada keupayaan Kerajaan untuk membuktikan daya tahan fiskalnya. SRI Pembaharuan Kewangan Awam telah memainkan peranan penting dalam **melaksanakan komponen yang diperlukan oleh Kerajaan dalam memastikan defisit fiskal dapat dikurangkan antaranya termasuklah konsolidasi fiskal** yang dilaksanakan untuk memastikan kemampuan fiskal jangka panjang negara dicapai.

Antara beberapa langkah dan kaedah yang telah diadaptasi untuk memastikan negara berada pada tahap ekonomi yang kukuh di mana defisit fiskal dapat dikurangkan adalah dengan menubuhkan **Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC)** yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri. FPC telah diberi mandat untuk merangka strategi bagi mengukuhkan kewangan sektor awam serta memastikan kemampuan fiskal serta kestabilan makroekonomi jangka panjang negara.

Sebagai langkah awal, FPC telah memainkan peranan dalam merangka strategi bagi **mengurangkan perbelanjaan negara** dengan pelaksanaan rasionalisasi subsidi minyak secara berperingkat yang telah dilaksanakan dalam memastikan ia tidak begitu membebankan rakyat, terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah dan seterusnya menjamin kesan yang minima ke atas pusingan ekonomi negara. Selain itu, langkah-langkah penjimatan perbelanjaan sektor awam juga telah diperkenalkan pada hujung tahun 2013 sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk **berbelanja secara berhemat**.

Dalam **meningkatkan hasil negara**, Kerajaan turut mengumumkan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bermula 1 April 2015 bagi menggantikan Cukai Jualan (CJ) dan Cukai Perkhidmatan (CP) sedia ada. Pelaksanaan GST merupakan peralihan ke arah struktur hasil yang cekap bagi sebuah ekonomi maju dan akan memperluas sumber cukai negara. Meskipun GST ditetapkan hanya pada kadar 6%, hasil tahunan yang akan diperoleh dijangka mencecah RM22 bilion, sedangkan cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang diamalkan sekarang hanya memberikan hasil berjumlah RM15-RM16 bilion setiap tahun.

Negara juga buat pertama kalinya, pada 2013, berjaya memasuki 'Zon Selamat' berdasarkan matriks fiskal yang dicipta oleh Kumpulan Perunding Boston. 'Zon Selamat' diperoleh sekiranya hutang awam dalam bentuk peratusan KDNK adalah di bawah 75% sementara defisit pula berada pada tahap 4% atau lebih rendah. Sementara itu, "Zon Bahaya" berlaku apabila nilai hutang awam bersamaan atau lebih daripada 75% KDNK manakala nilai defisit pula mencecah 8% ke atas.

Berbekalkan keazaman yang teguh dan langkah-langkah yang dinyatakan diatas, Kerajaan berjaya **mengurangkan defisit fiskal** sepanjang tiga tahun yang lepas iaitu daripada 6.6% pada tahun 2009 kepada 3.9% pada tahun lepas. Kita sedang berada atas landasan yang tepat di mana defisit fiskal pada tahun 2014 adalah pada 3.5% dan sasaran pada tahun 2015 pula adalah pada 3%. Menjelang tahun 2020, Kerajaan yakin akan berjaya mencapai bajet neutral (seimbang) seperti yang disasarkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI  
(PANDAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.11.2014**

**Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [ PANDAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nama semua syarikat-syarikat yang mana 1MDB telah melabur menggunakan dana yang dianggarkan USD\$2.3 bilion yang disimpan di Pulau Cayman dan pelaburan itu diuruskan oleh Bridge Partners Hong Kong, bagi tempoh kewangan 1 Januari 2010 hingga 30 September 2014.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana yang dilaporkan di dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Mac 2013. Bermula dari 12 September 2012, pelaburan yang berjumlah USD\$2.318 bilion adalah terdiri daripada berbagai kelas saham yang mengambil bahagian di dalam segregated portfolio company yang berdaftar di Kepulauan Cayman. Pihak pengurusan telah mengambil langkah untuk mengkaji semula, menilai dan mengagihkan semula pelaburannya apabila difikirkan sesuai.

1MDB memastikan fi dan perbelanjaan adalah dinyatakan dengan betul di dalam penyata kewangan yang telah diaudit. Apa-apa maklumat lain yang telah dinyatakan di dalam penyata kewangan adalah milik persendirian (*proprietary*) syarikat.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY**  
**KAWASAN : KOTA KINABALU**  
**TARIKH : 19 NOVEMBER 2014, RABU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY (KOTA KINABALU)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini pembinaan dua jalan persimpangan bertingkat (flyover) di Jalan Lintas, Kota Kinabalu. Peruntukan sebanyak RM262 juta telah diluluskan pada Julai 2013 dan projek dijangka bermula pada tahun 2014. Nyatakan pihak syarikat yang memperoleh tender pembinaan tersebut.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM262 juta untuk skop menaik taraf Jalan Lintas, Kota Kinabalu dalam RMKe-10 ini. Projek ini merupakan sebahagian daripada skop projek Kota Kinabalu Outer Ring Road yang akan dilaksanakan secara berfasa. Pada masa kini kementerian ini sedang menunggu kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk melantik kontraktor yang terlibat. Sehubungan itu, maklumat mengenai syarikat kontraktor yang akan melaksanakan projek ini akan hanya diketahui selepas mendapat kelulusan daripada Agensi Pusat berkenaan. Berdasarkan perancangan, projek menaik taraf Jalan Lintas, Kota Kinabalu ini dijangka akan memulakan pembinaan pada bulan Februari 2015.

Sekian. Terima kasih.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS(2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA (TASEK GELUGOR)**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya (Tasek Gelugor) minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) pencapaian pembangunan industri dan tanah wakaf di seluruh negara yang diuruskan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR); dan
- (b) pencapaian dalam pembangunan zakat di Malaysia dan perancangan Kerajaan untuk mewujudkan penyelarasan urus tadbir zakat di Malaysia.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh RMKe 9 hingga RMKe 10, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Wakaf Zakat Haji (JAWHAR) telah berjaya membangunkan sebanyak 15 buah projek di atas

tanah wakaf, manakala 2 projek masih dalam pembinaan dengan kos keseluruhan sebanyak RM257.69 juta. Kesemua projek tersebut dibangunkan dalam pelbagai kategori seperti ekonomi, kesihatan, pendidikan dan kebajikan. Projek-projek yang telah siap diserahkan sepenuhnya kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang berkenaan untuk diuruskan serta mampu menjana hasil kepada dana wakaf MAIN tersebut.

Menerusi pembangunan yang telah dilaksanakan oleh JAWHAR dengan kerjasama MAIN, tanah-tanah wakaf yang suatu masa dahulu belum dibangunkan, kini dapat memberi pulangan besar kepada MAIN dan masyarakat setempat. Kejayaan membangunkan ikon-ikon wakaf ini telah menjadi satu transformasi yang penting dalam pengurusan tanah wakaf di Malaysia. Ikon-ikon wakaf ini bukan sahaja menjadi contoh di dalam Negara tetapi turut menjadi tarikan kepada pihak luar yang kagum dengan konsep pembangunan tanah wakaf tersebut yang telah menghasilkan impak berganda kepada masyarakat. Seajar dengan pencapaian ini, Kerajaan Persekutuan melalui JAWHAR akan terus memberi komitmen untuk membangunkan tanah-tanah wakaf yang masih belum dibangunkan di seluruh Negara untuk faedah dan kemajuan ummah.

- (b) Berhubung pencapaian dalam pembangunan zakat , dimaklumkan bahawa pembangunan institusi zakat di Malaysia telah melalui era transformasi tersendiri sejak dahulu hingga ke mutakhir ini. Umumnya, urusan zakat yang berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri melalui MAIN telah berkembang pesat hingga membolehkan jumlah kutipan dan agihan meningkat sehingga melebihi RM1 bilion pada tahun 2013.

Peningkatan ini adalah didorong oleh urus tadbir yang cekap, di samping penggunaan pelbagai teknologi moden termasuk teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang secara langsung dan tidak langsung telah melonjakkan keyakinan masyarakat sama ada di peringkat individu mahupun sektor korporat untuk melaksanakan ibadah zakat dengan konsisten dan sistematik.

Mengenai penyelarasan urus tadbir zakat pula, Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi maksud memperkasakan urus tadbir zakat di nrgara ini. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuklah mengadakan program peningkatan kefahaman di kalangan anggota masyarakat tentang peri pentingnya ibadah zakat di dalam Islam, penganjuran bengkel dan seminar berkaitan tadbir urus zakat serta menerbitkan beberapa Manual Pengurusan berkaitan zakat untuk dijadikan sebagai panduan dan rujukan MAIN.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**TARIKH : 19.11.2014**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil Kementerian untuk meningkatkan prasarana dan lain-lain kemudahan di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang telah diambil alih oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sekolah Agama Negeri dan Sekolah Agama Rakyat (SAN dan SAR) yang telah berdaftar sebagai Sekolah Agama Bangunan Kerajaan (SABK) pada masa kini adalah sejumlah 205 sekolah. Sekolah-sekolah ini sebelum berdaftar sebagai SABK telah diurus tadbir sepenuhnya oleh Lembaga Pengelola Sekolah masing-masing.

Setelah berdaftar sebagai SABK, pendekatan yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah dengan memberi bantuan dan sumbangan wang kerajaan untuk meningkatkan kualiti pendidikan sekolah berkenaan. Keseluruhan sekolah ini layak menerima bantuan prasarana dan lain-lain kemudahan seperti sekolah bantuan

kerajaan yang lain. Antara peruntukan yang disalurkan termasuk dalam bentuk Bantuan Geran Per Kapita (PCG) yang meliputi lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahun (LPBT), pembangunan dan perolehan, perkhidmatan keselamatan dan kebersihan, makanan asrama dan lain-lain perbelanjaan yang telah ditetapkan oleh KPM.

RJM129

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[ KOTA RAJA ]**

**TARIKH : 19.11.2014**

**SOALAN :**

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan kebocoran soalan-soalan peperiksaan tidak berlaku lagi di masa hadapan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah drastik dan serta-merta melalui penubuhan satu Jawatankuasa Bebas untuk mengenalpasti kelemahan dan ruang-ruang ketirisan pengurusan dan pengendalian kertas peperiksaan yang boleh dimanipulasi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan untuk meneliti semula Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pengendalian dan pengurusan peperiksaan awam serta proses kerja berkaitan, dan seterusnya menyediakan cadangan penambahbaikan yang bersesuaian.

Selain itu, KPM juga sedang melaksanakan rombakan dan penempatan pegawai-pegawai bagi memantapkan lagi pengurusan dan

pengendalian peperiksaan awam seperti yang diumumkan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Di samping itu, KPM turut mengambil langkah mengetatkan lagi semua aspek keselamatan di setiap peringkat pengurusan peperiksaan awam. Setiap individu yang terlibat secara langsung dalam proses pengurusan peperiksaan perlu menjalani tapisan keselamatan dan diwajibkan menandatangani surat Akuan Akta Rahsia Rasmi 1972 seperti mana yang ditetapkan dalam SOP sedia ada. Perkara ini akan dipantau dengan lebih ketat agar integriti dan keselamatan bahan peperiksaan benar-benar terjamin.

KPM juga meningkatkan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di semua bilik kebal seluruh negara sebagai langkah penambaan pemantauan dan keselamatan bahan peperiksaan. Di samping itu, taklimat keselamatan mengenai pengurusan dan pengendalian bahan peperiksaan seperti yang ditetapkan oleh SOP akan dilaksanakan secara berterusan bagi menjamin integriti semua pihak terlibat di tahap terbaik.

KPM juga sedang mengkaji beberapa langkah-langkah jangka pendek untuk memastikan keselamatan bahan peperiksaan lebih terjamin pada masa akan datang. Ini termasuklah memendekkan tempoh penyimpanan di bilik kebal dan penghantaran kertas soalan ke bilik kebal sebelum peperiksaan bermula dan menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Krisis (*Crisis Management*) Peringkat Kebangsaan untuk bertindak serta merta apabila berlaku sebarang kemungkinan yang tidak diingini. Langkah ini dijangka mampu untuk menangani masalah kebocoran kertas peperiksaan seiring dengan kecanggihan teknologi pada masa ini.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA  
JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**

**TARIKH : 19 November 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian beliau dan Kerajaan Persekutuan terhadap suara-suara daripada parti-parti tertentu yang menjadi anggota Kerajaan meminta agar undang-undang ISA dikembalikan, sedangkan pihak Kerajaan dan Parlimen telah pun membatalkan Akta ISA ini dalam beberapa tahun yang berlalu dan menggantikan dengan undang-undang baru.

**JAWAPAN: PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Buat masa ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk mengembalikan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 yang telah dimansuhkan. Demi menangani ancaman keganasan antarabangsa yang berteraskan ideologi ekstremisme, Kerajaan telah mengambil keputusan untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan seterusnya menggubal undang-undang baru iaitu Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.
2. Di samping itu, pindaan berbangkit turut dibuat kepada Kanun Keseksaan, Kanun Tatacara Jenayah, Akta Keterangan 1950 dan Akta Pencegahan Jenayah 1952 setelah diambil kira kesan terhentinya kuat kuasa Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960.
3. Kerajaan yakin undang-undang baru dan pindaan yang diperkenalkan menyediakan kuasa yang cukup untuk Kerajaan bertindak terhadap mana-mana pihak yang cuba merosakkan keamanan dan keharmonian negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK  
BADAK  
(LUBOK ANTU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.11.2014**

**Y.B. DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK [ LUBOK ANTU ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membuka agen bank di pekan-pekan yang berselerak jauh dari bandar di seluruh Sarawak bagi mempermudah rakyat luar bandar berurusan dan di samping itu menggalakkan mereka menabung duit seperti konsep Mini Pos yang diamalkan oleh Pos Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, terdapat 485 ejen bank yang menyediakan perkhidmatan perbankan asas bagi 56 dari 59 mukim yang terdapat di Sarawak. Pada akhir Ogos 2014, lebih daripada 1.38 juta transaksi dengan nilai melebihi RM140 juta dilakukan melalui 485 ejen bank ini.

Kerajaan sentiasa menggalakkan institusi kewangan untuk menyediakan perkhidmatan perbankan asas kepada semua lapisan masyarakat terutamanya yang menetap di luar bandar. Setakat ini, semua daerah dan Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh negara, termasuk Sarawak telah pun mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan asas sama ada dari cawangan bank ataupun ejen bank. Kerajaan kini dalam usaha untuk mencapai kadar liputan yang lebih meluas ke semua mukim yang mempunyai penduduk melebihi 2,000 orang melalui inisiatif perbankan ejen.

Pelbagai program jangkauan juga telah dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia bersama institusi kewangan di seluruh Malaysia untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang pelbagai inisiatif termasuk perbankan ejen dalam memacu agenda rangkuman kewangan. Selaras

dengan usaha ini, salah satu daripadanya adalah program jangkauan yang diadakan di Bintulu, Sarawak pada 9 Oktober 2014.

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA  
[ PARIT BUNTAR – PAS ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN (NO. 45)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan pelan mencari bakat sukan di luar bandar dalam pelbagai bidang sukan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian mempunyai perancangan pelan pencarian bakat sukan dalam pelbagai bidang sukan melalui Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Ia melibatkan beberapa Kementerian iaitu Kementerian Belia dan Sukan (ISN/MSN), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) dan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) yang akan bekerjasama dalam melaksanakan Program Pengenalpastian dan Pembangunan Bakat akar umbi di seluruh negara termasuk kawasan luar bandar secara bersistematik dan tersusun.
2. Jalinan kerjasama ini akan memperluaskan tapak pencarian bakat dalam jangka masa pendek serta menggunakan kaedah saintifik dan teknologi. Ini sejajar dengan prinsip pendekatan NBOS yang menekankan "*low cost*", "*high impact*" dan "*rapid implementation*". Sejumlah 7,756 sekolah rendah (sumber: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)) di seluruh negara terlibat termasuk sekolah di luar bandar yang akan menjalani pengujian pencarian bakat saringan yang melibatkan seramai 100,000 murid tahun 1 yang akan dilaksanakan pada tahun 2015.
3. Di samping itu, pihak Kementerian juga bekerjasama dengan KPM dan MOM dalam melaksanakan program-program mencari bakat melalui program-program seperti Program Saringan Bakat, Program Cari Juara, Program Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri

**SULIT**

(USPTN), Program Sekolah Sukan Negeri (SSN), Program Hoki 1Mas dan juga Program *Talent Spot*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG  
[ KLUANG ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2014 (Rabu)**

**SOALAN**

**YB Tuan Liew Chin Tong [ Kluang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) Jumlah syarikat yang telah diberi lesen KA dan berapa buah permit yang telah dikeluarkan dari tahun 1998 hingga 2014 ; dan
- (b) Apakah polisi kerajaan dalam memastikan kelestarian (*sustainability*) industri pengangkutan kontena (*Haulage*).

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah syarikat yang telah diberikan lesen KA sehingga 31 Ogos 2014 adalah sebanyak 341 syarikat dan sejumlah 54,207 permit KA membabitkan 10,934 penggerak utama (*prime mover*) dan 43,273 treler telah dikeluarkan.

2. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan kelestarian industri pengangkutan kontena adalah:

- (i) Memantau pengeluaran lesen mengikut kapasiti pengendalian kontena (*port throughput*) di pelabuhan bagi mengelakkan lambakan perkhidmatan permit atau lesen bagi industri pengangkutan kontena;
- (ii) Pengecualian cukai jualan bagi penggerak utama dan treler yang dibeli daripada pengeluar tempatan; dan
- (iii) menubuhkan Kumpulan Kerja Logistik yang melibatkan wakil pelbagai agensi seperti Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Kementerian Pengangkutan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bagi meningkatkan standard operasi sistem pengangkutan negara dari aspek infrastruktur, polisi dan pengurusan dokumentasi.

3. Di samping itu, SPAD juga sentiasa mengadakan perbincangan bersama-sama pengendali dan persatuan industri pengangkutan kontena juga diadakan bagi menangani isu-isu atau perkara berbangkit berkenaan pengangkutan kontena.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 19 NOVEMBER 2014

SOALAN:

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah kerajaan untuk menambah baik Akta Perkeso 1959, yang perlu dikaji kelemahannya.

PR-1323-L64273

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Selari dengan penambahbaikan perlindungan keselamatan sosial, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 telah beberapa kali dipinda sejak tahun 1979 bagi disesuaikan dengan keadaan semasa. Sehingga tahun 2014, sebanyak sepuluh (10) kali pindaan telah dibuat.

2. Pada 1 Januari 2013, PERKESO telah menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2012 (Akta 1445) yang menaikkan umur liputan Pencen Ilat daripada mencapai umur 55 tahun kepada mencapai umur 60 tahun. Susulan itu, Peraturan-

Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2013 telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2014 untuk mengemaskinikan Peraturan-peraturan tersebut selaras dengan pindaan Akta.

3. Di samping itu, kajian juga sedang dijalankan bagi memperluaskan lagi liputan perlindungan serta faedah tambahan seperti:

- i. Skim Bekerja Sendiri (Self-employed) seperti Pemandu Teksi
- ii. Skim Pampasan Kehilangan Pekerjaan
- iii. Skim Pampasan Pekerja Asing

**NO. SOALAN: 48**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[ KOTA BHARU ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan kes yang dibawa ke Mahkamah mengikut Akta Hasutan 1948 dalam tempoh 10 tahun yang lalu.**

**JAWAPAN:      YB PUAN HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dari tahun 2004 hingga September 2014, sebanyak 23 pertuduhan di bawah Akta Hasutan 1948 telah dikemukakan di mahkamah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**(PENGERANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19.11.2014**

**Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [ PENGERANG**

**] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:-**

a. adakah Kementerian telah atau sedang melaksanakan penghapusan subsidi secara berperingkat dan sejauh manakah impaknya terhadap kos hidup rakyat secara keseluruhannya; dan

b. adakah penghapusan subsidi dapat menjadikan negara lebih kompetitif serta meningkatkan pendapatan rakyat.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedang melaksanakan rasionalisasi subsidi sebagai salah satu daripada langkah pembaharuan fiskal yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan, seterusnya membantu mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan dan memastikan sasaran defisit fiskal pada paras 3.5% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun ini dan 3% pada 2015 tercapai.

Tuan Yang di-Pertua,

Rasionalisasi subsidi dilaksanakan dengan mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal yang membawa banyak ketirisan, kepada subsidi yang lebih bersasar yang akan memberi manfaat terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah. Dengan kaedah ini sumber kewangan negara dapat diagihkan dengan lebih cekap dan efektif. Kecekapan pengagihan sumber negara dapat dipastikan dengan

mengurangkan ketirisan dan membendung kegiatan penyeludupan barangan bersubsidi serta memastikan peruntukan yang disalurkan menepati sasaran dan objektif yang telah ditetapkan. Sebagai contoh, subsidi dan bantuan kewangan adalah untuk mengurangkan beban golongan yang memerlukan. Sekiranya subsidi dan bantuan ini lebih memberi manfaat kepada golongan yang tidak memerlukan khususnya golongan berpendapatan tinggi, pengagihan sumber negara adalah tidak cekap dan tidak mencapai matlamat asal.

Pada masa kini, Kerajaan sedang mengkaji pelbagai aspek termasuk kos sara hidup, kadar inflasi dan kedudukan ekonomi global semasa bagi memastikan pelaksanaan mekanisme subsidi bersasar ini hanya memberi kesan yang minimum dan tidak membebankan rakyat serta tidak menjejaskan momentum pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun kos hidup rakyat yang digambarkan melalui inflasi dijangka meningkat kesan daripada pengurangan subsidi, ianya bersifat sementara

serta terkawal dan pertumbuhan dianggarkan kembali normal selepas beberapa bulan pelaksanaannya. Sebagai contoh, pada September 2013, Kerajaan telah mengurangkan subsidi RON95 sebanyak 20 sen, dan kesannya inflasi bertumbuh pada kadar 2.6% atau 0.7 mata peratusan berbanding bulan sebelumnya. Walau bagaimanapun, dalam tempoh enam bulan seterusnya inflasi mencatat pertumbuhan pada kadar sederhana iaitu secara purata 0.1 mata peratusan.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan rasionalisasi subsidi akan membawa banyak manfaat kepada negara seperti meningkatkan daya tahan (resilience) dan daya saing (competitiveness) ekonomi negara serta memastikan penggunaan sumber yang optimum. Penjimatan daripada rasionalisasi subsidi akan digunakan bagi membiayai perbelanjaan pembangunan yang dapat meningkatkan kapasiti produktif negara seperti pembinaan infrastruktur pengangkutan awam, hospital dan pusat kesihatan. Kerajaan juga akan dapat membina lebih banyak sekolah serta institusi pendidikan dan latihan yang amat diperlukan dalam pembangunan modal insan. Peningkatan kemahiran dan

tahap pendidikan tenaga kerja turut meningkatkan produktiviti ekonomi seterusnya menambah pendapatan negara.

Penjimatan daripada rasionalisasi subsidi secara tidak langsung juga akan dipulangkan semula kepada rakyat terutama golongan berpendapatan rendah dan mudah terjejas supaya kesan kenaikan kos sara hidup dapat diimbangi. Antara langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi membantu meringankan beban golongan mudah terjejas dalam menangani peningkatan kos sara hidup adalah seperti berikut:

- Meningkatkan pemberian BR1M kepada isi rumah berpendapatan bulanan RM4,000 an ke bawah serta individu bujang berpendapatan RM2,000 dan ke bawah;
- Meneruskan bantuan persekolahan RM100 kepada setiap pelajar sekolah rendah dan menengah;
- Meneruskan Program Baucar Buku 1Malaysia dengan kadar bantuan RM250 untuk setiap pelajar institut pengajian tinggi;

- Membuka 65 buah pasar tani baru dan menambah 20 buah Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) bagi memastikan harga yang berpatutan untuk produk makanan dan keperluan asas;

- Melaksanakan program penyeragaman harga di Sabah dan Sarawak di mana Kerajaan memberi bantuan untuk mengurangkan kos penghantaran dan pengagihan;

- Membina rumah mampu milik bagi golongan miskin, berpendapatan rendah dan sederhana di seluruh negara di bawah Program Perumahan Rakyat, Jabatan Perumahan Negara (26,000 unit), Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) (80,000 unit), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) (37,000 unit) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) (5,380 unit);

- Meningkatkan elaun sara hidup nelayan di Zon A, B dan C serta memberi elaun kepada 44,000 nelayan darat sepenuh masa;

- Menaikkan kadar bantuan dan pelepasan cukai kepada OKU; dan
- Menyediakan pelbagai bantuan secara tidak langsung dalam bentuk perkhidmatan sosial dengan bayaran yang minimum atau percuma. Contohnya, rawatan perubatan di klinik dan hospital Kerajaan, pendidikan di sekolah rendah, menengah dan di institusi pengajian tinggi awam serta biasiswa dan pinjaman pelajaran;

Selain itu, Kerajaan masih meneruskan subsidi, insentif dan bantuan seperti subsidi bagi barangan keperluan dan perkhidmatan asas seperti subsidi harga beras dan minyak masak, subsidi kadar elektrik bagi penggunaan RM20 ke bawah dan subsidi kadar tol. Antara insentif bagi meningkatkan pendapatan rakyat terutamanya golongan petani dan nelayan termasuk insentif pengeluaran padi dan insentif hasil tangkapan nelayan. Bagi tahun 2014, sebanyak RM40.6 billion atau hampir 18.3% daripada perbelanjaan mengurus Kerajaan diperuntukkan untuk subsidi, insentif dan bantuan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah-langkah tersebut jelas menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan rakyat walaupun dalam melaksanakan langkah mengukuhkan kedudukan fiskal negara. Semua langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah bagi memastikan negara mencapai status negara maju berpendapatan tinggi dengan rakyat dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN  
[ BUKIT KATIL ]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2014**

**SOALAN : 50**

**Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kelebihan sistem daftar masuk SITA yang digunakan di KLIA2 berbanding sistem *Navitaire* yang lebih kos efisien dan membolehkan penggunaan perisian keselamatan Interpol, untuk semakan pengkalan data pasport sama ada palsu atau dicuri.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua, kelebihan utama ialah SITA merupakan sistem yang berciri *common-use platform* iaitu sebuah sistem ataupun *platform* yang dapat digunakan oleh semua syarikat penerbangan yang beroperasi di KLIA dan KLIA2, mahupun di kebanyakan lapangan terbang di seluruh dunia.

Ciri *common-use platform* sistem SITA ini membenarkan kegunaan mana-mana aplikasi daftar masuk penerbangan contohnya seperti Navitaire, dengan syarat ia diintegrasikan dengan *platform* SITA. Ini kerana, sistem daftar masuk penerbangan ini harus berhubung dengan sistem operasi yang lain seperti *Baggage Handling System, Flight Information System dan Gate Allocation System*. Malah sistem Navitaire ternyata mempunyai keserasian ("*compatible*") dengan sistem SITA kerana telah pun diguna pakai oleh pelbagai syarikat penerbangan bertaraf antarabangsa dengan cara yang sama iaitu melalui suatu aplikasi *Operating System common-use*.

Sistem SITA di KLIA2 juga merupakan sistem *Interpol-ready* iaitu sistem yang sudah sedia digunakan bersama perisian keselamatan *Interpol*. Setakat ini tidak ada sebarang halangan syarikat penerbangan untuk mengakses sistem *Interpol* melalui sistem SITA ini.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI  
[ SETIAWANGSA ]**

**TARIKH : 19.11.2014**

**SOALAN :**

**Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [ Setiawangsa ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status kedudukan Greencity International College yang baru-baru ini telah didakwa di media melakukan penipuan ke atas pelajar antarabangsa mereka. Apakah tindakan Kementerian bagi mengawal kes-kes penipuan seperti ini dan tindakan ke atas kolej-kolej swasta yang telah memburukkan nama Malaysia dengan kenyataan yang tidak bertanggungjawab.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius akan kes salah laku yang dilaporkan di media termasuk kes yang melibatkan Kolej Antarabangsa Greencity. Berdasarkan siasatan yang dijalankan, KPM telah mengesyorkan supaya kelulusan bagi institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) ini untuk merekrut pelajar antarabangsa dibatalkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Pada masa yang sama, kertas siasatan bagi mengambil tindakan perundangan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 juga telah disediakan dan berada di peringkat keputusan Timbalan Pendakwa Raya.

Bagi mengawal kes-kes penipuan seperti ini, KPM akan terus mempertingkatkan pemantauan ke atas IPTS yang diluluskan untuk merekrut pelajar antarabangsa melalui kerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Kementerian juga tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan mengesyorkan pembatalan kelulusan atau tidak memperakukan permohonan pembaharuan kelulusan kepada KDN jika terbukti IPTS tersebut telah melanggar syarat kelulusan pengambilan pelajar antarabangsa.

RJM124